

Agihan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) SMK Rancha-Rancha Sesi Tahun 2021



Labuan, 11 Mac 2021 – Program agihan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) telah berjaya dilaksanakan dengan adanya komitmen padu daripada pihak pentadbir sekolah, guru, staf dan ibu bapa / penjaga. Sungguhpun negara dilanda pandemik Covid-19, namun program ini dilaksanakan dalam keadaan norma baharu sesuai dengan keadaan semasa. Program yang dilaksanakan ini melibatkan jumlah penerima bantuan sebanyak 216 orang, yang dapat memberi manfaat kepada penerima. Selain itu, penerima bantuan juga dapat mempersiapkan diri dengan membeli barang kelengkapan sekolah sebelum pembukaan sekolah pada 5hb April 2021.

Tuan Pengetua SMK Rancha-Rancha iaitu Ustaz Wan Azman bin Wan Awang berkata, agihan BAP yang dilaksanakan adalah

usaha baik yang dapat membantu meringankan beban dan tanggungan ibu bapa / penjaga yang terjejas akibat pandemik masa kini. "Bantuan ini juga diagihkan kepada murid yang berkelayakan, yang diharapkan dapat membantu dalam urusan harian murid dan keluarga" ujar beliau. Beliau juga menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada pengurusan HEM SMK Rancha-Rancha yang berjaya menganjurkan program tersebut dalam keadaan norma baharu.

Puan Marziawati @ Ziah binti Mardan selaku Penolong Kanan HEM menegaskan program yang dilaksanakan adalah mementingkan aspek pematuhan standard prosedur operasi (SOP) iaitu penjarakan fizikal 1 meter, pemakaian pelitup separuh muka (*facemask*) dan amalan mencuci tangan dengan kerap. Perkara ini seperti saranan kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19 dan didapati semua individu yang hadir patuh terhadap SOP yang ditetapkan.



Pematuhan kepada SOP diamalkan oleh ibu bapa / penjaga semasa program berlangsung.

Program agihan tersebut berlangsung seawal jam 11 pagi

dan berakhir pada jam 1 petang. Program berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan terkawal. Kesemua guru yang bertugas menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang semasa agihan berlangsung. Diharapkan bantuan seperti ini dapat memberi banyak manfaat kepada murid sekaligus memberikan kegembiraan sebelum mereka memasuki persekolahan pada April nanti.



Barisan guru kelas yang mengagihkan bantuan kepada ibu bapa / penjaga

Pembudayaan Digital Di SMK

Mutiara Terus Dipergiat : Isu Cabaran Pergaulan Dan Sahsiah Murid Menjadi Fokus Dalam Program Temubual Norma Baharu Melalui Tayangan Video



10 MAC 2021 – Dalam usaha pihak sekolah bagi terus membudayakan amalan digital sebagai medium utama dalam proses penyampaian maklumat kepada warga sekolah khususnya dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini, Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) dengan kerjasama Unit ICT Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara terus giat menganjurkan sebuah program berbentuk rakaman temubual yang bertemakan pembangunan dan perkembangan

sahsiah murid.

Bual bicara kali ini yang mengangkat tema sahsiah remaja masa kini iaitu Cabaran Pergaulan dan Sahsiah Murid ini dipilih sebagai salah satu usaha warga SMK Mutiara dalam proses mendidik murid-murid di sekolah ini agar sentiasa mengamalkan gaya pergaulan yang sihat serta sentiasa membataskan diri daripada perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada aspek rohani dan jati diri remaja.

Menurut Guru Bimbingan dan Kaunseling SMK Mutiara iaitu Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim dan Puan Maisaraf binti Abdul Rashid, program pembudayaan digital seperti ini mendapat sokongan dan perhatian yang sangat baik daripada Pengetua Sekolah iaitu Encik Yahya bin Ahmad Puteh serta Penolong Kanan Hal Ehwal Murid iaitu Encik Masri bin Ayong dalam usaha meningkatkan perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling disamping kemudahan Studio SMK Mutiara yang mempunyai kemudahan asas bagi proses rakaman dan perlaksanaan program ini.

“Secara tidak langsung melalui rakaman program temubual ini pihak sekolah dapat terus membudayakan pengintegrasian dan penggunaannya secara optimum di kalangan warga sekolah ”, ujar Encik Yahya bin Ahmad Puteh selepas proses rakaman berlangsung. Tambah beliau lagi penggunaan teknologi mesti digabung jalin bersama dalam aspek kehidupan dan seterusnya mampu memenuhi tuntutan masyarakat memandangkan pengaruhnya dijangkakan akan membawa impak yang lebih besar dan bermakna dalam dunia pendigitalan masa kini.



Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Mutiara menyampaikan sijil penghargaan kepada panel jemputan, Puan Noraini Binti Osman, Penolong Pegawai

Program yang dilaksanakan secara rakaman ini bertujuan bagi menyebarkan pengetahuan kepada murid mengenai cabaran sebenar realiti yang perlu dihadapi oleh mereka jika aspek pergaulan serta nilai akhlak diri dan sahsiah ini dipandang ringan yang pastinya akan memberikan impak yang besar di sepanjang kehidupan mereka kelak. Program temubual yang dilaksanakan secara santai namun penuh informasi ini telah dihadiri oleh seorang panel yang berpengalaman iaitu Puan Noraini Binti Osman, Penolong Pegawai Pembangunan Kebajikan Masyarakat Lembaga Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN), WP Labuan untuk memberikan kupasan dan pandangan berkaitan dengan isu sosial yang agak penting ini. Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim pula selaku Kaunselor SMK Mutiara telah bertindak sebagai moderator dan dibantu oleh Unit ICT SMK Mutiara yang dilaksanakan secara rakaman di Makmal Komputer Bestari SMK Mutiara.

Rakaman program ini akan dipanjangkan ke semua saluran media sosial SMK Mutiara yang melibatkan ibu bapa dan murid SMK Mutiara agar info yang disampaikan di sepanjang perbincangan ini dapat dihayati dan dijadikan peringatan

kepada semua agar sentiasa berhati-hati di dalam kehidupan. Harapan yang tinggi agar input yang berguna dapat dijadikan sebagai iktibar dan benteng yang kukuh bagi murid-murid untuk menangkis penularan ancaman gejala sosial di bawah pengaruh modenisme masa kini yang semakin berleluasa.


Golongan remaja dan murid adalah aset dan cerminan imej masa depan sesebuah negara kerana mereka yang bakal memainkan peranan dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara kita pada masa akan datang. Ibarat sebutir permata yang amat berharga terhadap ibu bapa, agama, bangsa dan negara begitulah pentingnya peranan mereka dengan penuh tanggungjawab untuk merencanakan pembangunan negara.

Umum mengetahui, alam remaja merupakan alam yang amat kompleks dan mencabar di mana fasa ini mereka masih tercari cari identiti diri yang sebenar. Namun dalam situasi ini, masih ramai remaja yang tersilap langkah dan terjerumus ke lembah gejala social. Perkara ini ditambah pula dengan pengaruh budaya barat yang semakin menular sekaligus membunuh jiwa suci para remaja ini dengan budaya-budaya negatif seperti hedonisme, sekularisme, liberalisme dan lain lain lagi.

Antara cabaran yang menjadi batu penghalang utama kepada pembangunan remaja alaf ini adalah pengaruh yang berleluasa tanpa kawalan dan sempadan. Pengaruh-pengaruh ini termasuklah pengaruh daripada persekitaran dan juga teknologi maklumat yang berleluasa dan telah menimbulkan pelbagai isu yang tidak dapat ditangani.

Maka itu, dalam usaha membentuk pelajar SMK Mutiara supaya lebih berhati-hati dalam aspek pergaulan dan mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif diharapkan agar program temubual ini dapat membantu melahirkan murid yang lebih berdisiplin dan berhati-hati

dalam memilih pergaulan demi kesejahteraan dan masa depan yang lebih baik. Perkongsian tentang bual bicara ini boleh ditonton di YouTube Channel Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan <https://youtu.be/tPhiZNMDsD4>



Temubual "Cabaran Pergaulan Dan
Sahsiah Murid" bersama Puan Noraini
binti Osman, LPPKN WP Labuan

41 views



10



0



Share



Save



Report



Bestari Vlog

SUBSCRIBE

Program bual bicara ini boleh ditonton di YouTube Channel Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan <https://youtu.be/tPhiZNMDsD4>

Munajat Bacaan Yasin dan

Doa Warga Pendidik WP Labuan



LABUAN – Panitia Pendidikan Islam SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) telah menganjurkan Program Munajat Bacaan Yasin dan Doa Warga Pendidik sebagai langkah mencegah penularan pandemik Covid-19. Program ini mendapat jalinan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan WP Labuan dan juga Sekolah-sekolah di WP Labuan.

Majlis yang berlangsung secara dalam talian pada 08 Mac 2021 dimulakan dengan bacaan Yasin selepas solat Maghrib di kediaman masing-masing.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah Encik Yusup bin Hj. Mohamad, Pengarah Pendidikan JPWPL, Encik Mohd Nizam bin Yasim, Timbalan Pengarah Sektor Perancangan JPWPL, Pegawai-Pegawai JPWPL, Pengetua- Pengetua, Guru-Guru Besar, Pegawai Angkat Sekolah, guru-guru, ibu bapa dan juga murid-murid. Encik Awang Adi bin Tuah sebagai wakil Pengetua turut hadir bersama guru-guru SMKTPB. Seramai 86 warga pendidik dan ibu bapa telah mengikuti program ini.

Menurut Penyelaras Program, Ustaz Mohd Daud Abdul Rahman,

objektif program ini untuk mendoakan kesihatan dan keselamatan semua warga pendidik, petugas di barisan hadapan, murid-murid terutamanya calon SPM dan STPM, keluarga dan masyarakat agar terhindar daripada ditimpa musibah wabak Covid-19.

Program ini juga bertujuan untuk memohon kepada Allah SWT agar mereka yang dijangkiti wabak Covid-19 akan kembali sembah dengan segera dan mendoakan agar negara kita serta dunia akan bebas daripada wabak ini.


Selesai bacaan Yasin dan doa yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Azman bin Abd Rahim, majlis diteruskan dengan ucapan daripada Encik Awang Adi, wakil Pengetua SMKTPB. Dalam ucapannya, beliau berharap agar semua warga pendidik diberikan kesihatan yang berpanjangan memandangkan sesi persekolahan secara bersemuka sudah bermula untuk sekolah rendah.

Beliau juga mengharapkan agar calon SPM dan STPM 2020 dapat menduduki peperiksaan dengan tenang serta diberikan kesihatan seterusnya berjaya memperoleh kejayaan yang cemerlang, di samping mengharapkan agar pandemik ini akan berakhir dengan segera.

Sementara itu, Encik Mohd Nizam Yasim merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada SMKTPB kerana berjaya mengelolakan program munajat ini. Beliau juga berharap agar calon-caon SPM dan STPM 2020 dapat menduduki peperiksaan dengan tenang dan diberikan kesihatan. Begitu juga dengan guru-guru kerana ramai guru yang bertugas sebagai pengawas peperiksaan.

Encik Mohd Nizam dalam ucapannya juga turut mengharapkan agar warga pendidik di Labuan dapat menjadi contoh kepada masyarakat dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan dan mematuhi arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini kerana, guru dianggap sebagai

ikon dalam apa-apa juga keadaan kerana profesi perguruan menjadi cerminan kepada masyarakat.



Encik Mohd Nizam menyampaikan ucapan, dengan kehadiran warga pendidik, Pegawai-pegawai JPNWPL, Pegawai Angkat Sekolah, ibu bapa serta murid-murid.

Beliau turut berkongsi ilmu dengan semua hadirin berkaitan kematangan emosi. Dalam perkongsian tersebut, Encik Mohd Nizam menyatakan bahawa orang yang matang emosinya tidak akan mudah melatah dengan apa-apa provokasi yang dilemparkan kepadanya, sebaliknya harus menerima segala teguran dengan positif dan cuba perbaiki diri.

Baginya, orang yang matang emosi pasti dapat menyelesaikan masalah dengan baik dan sentiasa berfikiran positif. Tambah beliau lagi, orang yang matang emosi biasanya berani mengakui kesilapan diri dan bukannya sentiasa mencari salah orang lain.

Kita juga haruslah yakin kepada diri sendiri dalam setiap perbuatan serta tidak perlu bimbang dengan tanggapan orang lain terhadap kita bagi memastikan emosi kita stabil.

Mengakhiri ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi

ucapan tahniah kepada Encik Yusup bin Hj. Mohamad atas pelantikan beliau sebagai Pengarah Pendidikan WPL yang ke-8. Encik Yusup merupakan anak jati Labuan pertama yang dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Labuan.

Sebelum mengakhiri majlis, Encik Yusup dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih kehadiran semua dalam program ini. Beliau juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua guru yang telah menjalankan tugas dengan baik demi kemenjadian murid selama ini.

Sebagai Pengarah Pendidikan yang baharu, beliau menyeru agar semua guru di Labuan dapat bergerak secara dalam satu pasukan bagi meningkatkan imej Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan solat Hajat di rumah masing-masing.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun

Repsol Oil & Gas Malaysia Limited Suntik Motivasi Murid Komuniti Nelayan Labuan



Labuan, 5 Mac 2021 – Syarikat Repsol Oil & Gas Malaysia Limited sentiasa komited bagi membantu menyuntik semangat dan motivasi murid di kalangan anak-anak nelayan di wilayah ini.

Pengurus Stakeholder Relations, Repsol Oil & Gas Malaysia Limited, Encik Ahmad Fakhrurazzi Arshad berkata syarikat yang berpangkalan di Madrid, Sepanyol ini sentiasa komited dan prihatin untuk membantu masyarakat komuniti tempatan di mana syarikat mereka beroperasi.

“Anugerah Motivasi pada hari ini merupakan kesinambungan usaha-usaha tersebut yang memfokuskan kepada pendidikan, khasnya kepada anak-anak nelayan di Wilayah Persekutuan Labuan yang masih di bangku sekolah.

Hasrat kami adalah untuk membantu dan menyuntik semangat dikalangan anak-anak ini untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan aktiviti kurikulum sekolah.”

Dalam Majlis Anugerah Motivasi Murid Golongan Komuniti

Nelayan Tahun 2021 yang telah berlangsung secara maya ini, Pihak Repsol telah menghulurkan bantuan sebanyak RM400 kepada murid Tingkatan 3 yang lulus PT3 dan RM300 kepada murid Tahun 6 yang lulus dalam UPSR pada tahun lalu.



Encik Yusup (tengah), Tuan Haji Abdul Rahmam (kiri), Encik Nizam (kanan), Encik Ag. Marten (belakang kanan) dan Encik Mohamad (belakang kiri)

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Yusup Mohamad merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Repsol di atas usaha murni dalam membantu pelajar dari golongan komuniti nelayan berpendapatan rendah sebagai motivasi dalam pelajaran dan kehidupan mereka.

“ Dengan bantuan ini, kita berharap para pelajar akan menggunakan wang bantuan itu dengan sebaik-baiknya dan menggunakan bantuan itu untuk membeli peralatan sekolah dan buku-buku pelajaran,” katanya.

“ Saya berharap program ini dapat diperluaskan kepada pelajar-pelajar lain yang layak dan menjadikan program ini salah satu program utama secara ‘one off’ yang

menjadi fokus utama khidmat masyarakat daripada pihak Repsol," katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Sektor Perancangan Encik Mohd Nizam Yasim, dan Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid Tuan Haji Abdul Rahman Ahmad dan Datuk Eddie Abdullah Penasihat, Perhubungan Masyarakat & Kerajaan Negeri Sabah dan Labuan.Repsol Oli & Gas Malaysia Limited.



Datuk Eddy (kiri) bersiaran secara langsung di ibu pejabat Repsol Kuala Lumpur

Jabatan Pendidikan Labuan anjurkan Bengkel Kajian

Tindakan Kebangsaan

Peringkat



Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berkesan memerlukan kepada penambahbaikan berterusan. Setiap guru perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran melalui pelbagai kaedah sesuai dengan situasi semasa.


Menyedari kepentingan ini, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mengorak langkah untuk menganjurkan Bengkel Kajian Tindakan Teknik 12 Langkah peringkat kebangsaan.

Menurut Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim merangkap pengurus program, bengkel empat siri yang bermula daripada 4 Mac sehingga 8 April ini telah mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai program peringkat kebangsaan. Bengkel melibatkan penyertaan seramai lebih 1600 orang daripada 16 buah negeri di seluruh Malaysia.

"Sesuai dengan situasi pandemic Covid-19 yang belum berakhir, kita telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan bengkel ini secara dalam talian

sepenuhnya. Ini adalah satu sejarah bagi Labuan kerana buat pertama kalinya kita menganjurkan bengkel sebegini besar secara dalam talian”

“Oleh kerana sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga pendidik seluruh negara, kita menggunakan platform webinar untuk tujuan penyiaran. Selain itu, pasukan penyiaran (broadcaster) juga telah menggunakan pelantar maya seperti facebook live dan Youtube live bagi memastikan semua peserta mendapat akses kepada bengkel ini mengikut kesesuai masing-masing” kata beliau.



TEKNOLOGI.... Medium youtube live turut digunakan bagi memastikan setiap peserta mendapat akses terbaik kepada bengkel ini.

Kajian Tindakan Teknik 12 Langkah telah diperkenalkan oleh Puan Suriani Alland Rice Oxley sejak tahun 2017. Beliau yang merupakan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) telah berjaya mengharumkan nama Labuan dengan menjadi Naib Johan Inovasi dalam Konvensyen SISC kebangsaan pada tahun 2018 melalui inovasi Teknik 12 Langkah ini.



SURIANI ALLAND RICE OXLEY, Pencipta Kajian Tindakan Teknik 12 Langkah

Bagi melicinkan perjalanan bengkel, seramai 12 jurulatih utama (JU) telah dilantik dan diketuai sendiri oleh Puan Suriani. Jurulatih akan membantu semua peserta dalam memahami Teknik 12 Langkah ini melalui bimbingan dalam lima saluran selari.

Bercakap semasa merasmikan bengkel ini, mantan Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Puan Khaziyati binti Osman berkata setiap guru perlu bersedia untuk terus meningkatkan kompetensi masing-masing.

*“Kajian tindakan adalah platform terbaik bagi setiap warga pendidik meningkatkan prestasi PdP dengan membuat penambahbaikan berterusan. Warga pendidikan mesti bersedia untuk **learn, unlearn and relearn** bagi menjamin pengetahuan dan kemahiran pendidik sentiasa relevan dengan keperluan semasa” ujar beliau lagi.*

Bangunan Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) di Sungai Lada telah dijadikan pusat penyiaran bagi bengkel ini. Seramai 8 ahli pasukan penyiaran bertungkus lumus bagi em mastikan perjalanan bengkel secara dalam talian ini berjalan lancar. Akses kepada bengkel ini boleh dicapai melalui laman <https://sites.google.com/view/kolokium-kebangsaan-jpnwpl/>

utama

dan

saluran

Youtube

<https://www.youtube.com/watch?v=S0zMX5Z0Chk>



BELAKANG TABIR, Sebahagian daripada ahli pasukan penyiaran bertungkus lumus memastikan penyiaran bengkel berjalan lancar.



BERJAYA, sebahagian daripada ahli jawatankuasa pelaksanaan bengkel bergambar setelah selesai siri 1 semalam.

**SMK Mutiara, W.P Labuan
Menyebarluas Kepentingan
Informasi Juvana Kepada**

Warga Sekolah



5 MAC 2021 – Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) dengan kerjasama Unit ICT SMK Mutiara telah menganjurkan sebuah program berbentuk rakaman temubual di bawah bidang perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling yang berfokuskan kepada aspek peningkatan disiplin diri pelajar khususnya kepada warga di SMK Mutiara. Bual bicara informasi yang bertajuk ‘Cabar dan Hukuman Salah Laku Juvana’ ini dipilih memandangkan pada masa kini masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia terutamanya di peringkat bawah umur berada pada tahap yang semakin membimbangkan.

Bertitik tolak daripada kebimbangan inilah, satu inisiatif telah diambil oleh pihak sekolah dengan melibatkan perbincangan antara Guru Bimbingan dan Kaunseling SMK Mutiara bersama barisan pentadbir bagi mengetengahkan isu ini. Sesi temubual yang santai namun penuh dengan informasi ini merupakan langkah awal pihak sekolah dalam usaha membentuk sahsiah diri pelajar

terutamanya di kalangan warga SMK Mutiara yang lebih berdisiplin dengan penerapan nilai-nilai murni. Secara tidak langsung melalui program ini, ianya juga dapat menyebarluaskan lagi maklumat secara holistik mengetahui impak dan akibat yang akan diterima dalam kehidupan sekiranya terlibat dalam salah laku juvana.

Program ini telah dijayakan dengan kehadiran seorang ahli panel jemputan iaitu ASP Haslina bin Hassan, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah WP Labuan untuk memberikan kupasan dan pandangan berkaitan kes yang melibatkan pelajar sekolah manakala Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim, Kaunselor SMK Mutiara telah bertindak sebagai moderator dalam sesi bual bicara ini. Pemilihan ASP Haslina bin Hassan dalam program ini dilihat amat tepat memandangkan beliau merupakan Pegawai Perhubungan Sekolah yang senantiasa memantau perkembangan isu disiplin yang berkaitan dengan pelajar di SMK Mutiara khususnya. Selari dengan norma baharu di sekolah, program ini telah dilaksanakan secara rakaman di Makmal Komputer Bestari SMK Mutiara di bawah seliaan Unit ICT. Rakaman program ini akan dipanjangkan ke semua platform dan saluran media sosial SMK Mutiara yang melibatkan ibu bapa dan pelajar SMK Mutiara supaya matlamat program ini untuk menyebarluaskan info yang telah dibincangkan di sepanjang sesi bual bicara ini dapat dihayati dan dijadikan peringatan kepada semua pihak.



Gambar kenang-kenangan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Mutiara, Encik Masri bin Ayong (paling tengah) bersama tetamu jemputan program bual bicara ASP Haslina bin Hassan, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah (dua kanan) serta kaunselor SMK Mutiara Puan Normaisaraf binti Ab Rashid (paling kiri) dan Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim (dua dari kiri).

Antara intipati di sepanjang bual bicara ini adalah kupasan mengenai salah laku juvana yang merujuk kepada salah laku yang dilakukan oleh remaja yang bertindak menyalahi undang-undang dan enggan menjalankan kewajipan sosial mereka. Masalah tingkah laku dan salah laku juvana ini merupakan terma yang memberi maksud yang sama, iaitu kumpulan yang menyalahi undang-undang dan mengganggu hak asasi manusia. Antara faktor yang menyumbang kepada salah laku juvana dalam kalangan remaja adalah seperti kurang didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosial serta pengaruh media yang sukar dikawal pada masa kini.

Dalam usaha membentuk pelajar SMK Mutiara agar lebih berwaspada dalam berhadapan dengan tingkah laku yang kurang baik, program ini telah berjaya direalisasikan dan diharap perkongsian yang diberikan ini dapat membantu melahirkan pelajar yang lebih berdisiplin untuk terus

meningkatkan nama baik sekolah dan seterusnya memacu kejayaan dan kegemilangan di sekolah selari dengan tagline SMK Mutiara iaitu Mutiara Hebat Juara Terpahat. Kesedaran pelajar dalam pembentukan sahsiah terpuji ke arah kecemerlangan akademik serta berhati-hati dalam memilih rakan sebaya perlu diberikan perhatian oleh semua pihak demi kesejahteraan dan masa depan pelajar yang lebih baik. Perkongsian tentang bual bicara ini boleh ditonton di YouTube Channel, Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan di pautan <https://youtu.be/PWafR8aeHMg>



📍 LABUAN

Temubual "Cabaran & Hukuman Salah Laku Juvana" bersama ASP Haslina bi...

13 views · 1 hour ago



Bestari Vlog

SUBSCRIBE

Program bual bicara ini boleh ditonton di YouTube Channel, Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan <https://youtu.be/PWafR8aeHMg>

Anak Jati Labuan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Baharu



TAHNIAH

kepada
YBrs. Tuan Yusup bin Mohamad
di atas pelantikan sebagai
Pengarah
Jabatan Pendidikan
Wilayah Persekutuan Labuan

berkuat kuasa pada

1 Mac 2021

Encik Yusup bin Haji Mohamad, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran telah dilantik sebagai Pengarah Pendidikan W.P. Labuan yang baharu menggantikan Puan Khaziyati binti Osman berkuatkuasa pada 1 Mac 2021.

Puan Khaziyati Osman pula akan menjawat jawatan sebagai Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB) Negeri Sabah berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Pelantikan pengarah negeri yang ke lapan ini telah diumumkan secara rasmi oleh Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) pada 1 Mac 2021. Sesi pertemuan telah dibuat secara maya kerana kekangan pandemic Covid-19.

Dalam pertemuan tersebut, Datuk Dr. Habibah sempat berbincang dan berkongsi pandangan bersama-sama Encik

Yusup berkaitan perjalanan pembukaan semula sekolah bagi murid-murid Pra sekolah, Tahun 1 dan Tahun 2 di Wilayah Persekutuan Labuan.

KPPM juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini dan berharap agar amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi demi kecemerlangan pendidikan.

Encik Yusup adalah anak jati Wilayah Persekutuan Labuan yang pertama dilantik sebagai Pengarah Pendidikan W.P.Labuan. Pelantikan ini telah merealisasikan harapan penduduk Labuan untuk melihat seorang anak watan negeri ini menjawat jawatan tertinggi dalam sesbuah organisasi di wilayah ini. Tambahan pula, Jabatan Pendidikan adalah agensi kerajaan yang terbesar di pulau ini.



LAPOR DIRI... Encik Yusup menandatangani buku lapor diri di Jabatan Pendidikan W.P.Labuan dan disambut oleh tiga Timbalan Pengarah iaitu Encik Abdul Rahman, Encik Mohd Nizam dan Puan Maimoon.

Encik Yusup adalah anak kelahiran Kampung Patau-Patau 1. Beliau memulakan karier sebagai pendidik sebagai Guru

Tingkatan 6 di SMK Labuan pada tahun 1993 sebelum dilantik menjadi Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun pada tahun 2001 pada usia 33 tahun. Semenjak itu beliau telah berkhidmat di beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan termasuklah menjawat Pengetua SMK Pantai, IBWS dan SMK Lajau.

Kerjaya beliau berkembang selangkah lagi apabila dilantik sebagai SIPartner+ (Rakan Pembangunan Sekolah) pada tahun 2018. Atas kecemerlangan dalam perkhidmatan, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran pada awal tahun 2019 menggantikan Puan Norismah binti Hj Ab. Moin yang bersara wajib.

Pengalaman beliau yang pelbagai dan atas kecemerlangan pengurusan yang ditunjukkan, maka pada tanggal keramat 1 Mac 2021, beliau telah diperakui sebagai Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Labuan yang ke lapan.


Mengulas pelantikan ini, beliau melahirkan rasa syukur kepada Allah dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menyokong kerjaya beliau dari dahulu sehingga ke hari ini. Beliau turut menyeru agar semua pihak dapat terus bekerjasama bagi menjamin kecemerlangan pendidikan yang telah dirintis oleh pengarah-pengarah yang terdahulu.

“Keutamaan kita ialah bagi memastikan sistem pendidikan peringkat rendah dan menengah di wilayah ini dapat berkembang maju seiring dengan negeri-negeri yang lain dan kita tidak mahu ketinggalan di belakang. Kemudahan-kemudahan fizikal, infrastruktur dan modenisasi dalam pendidikan akan ditingkatkan dari semasa ke semasa” kata beliau lagi.

Majlis serah tugas jawatan telah berlangsung pada 05 Mac 2021 secara dalam talian sesuai dengan amalan norma baharu bagi mengekang penularan Covid-19. Warga Jabatan

Pendidikan W.P.Labuan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan ini dan komited untuk terus menabur khidmat bakti setia demi menjamin kelangsungan kecemerlangan dan kemenjadian murid dan kualiti sekolah di Labuan.


Berita Oleh : Sektor Perancangan



Majlis Sanjungan Budi mantan Pengarah Pendidikan Puan Khaziyati Osman secara maya. Menabur bakti selama 18 tahun di Jabatan Pendidikan W.P Labuan. Tahniah di atas pelantikan sebagai Pengarah Institut Aminudin Baki (IAB) Negeri Sabah. Terima kasih atas segalanya. Jasamu sentiasa dikenang !

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) ‘Coaching And Mentoring’ SISC+

Bersama SMK Taman Perumahan Bedaun



Labuan, 2 Mac – Bengkel Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) ‘Coaching and Mentoring’ untuk *School Leader Team* (SLT) dan *Middle Leader Team* (MLT) SMK Taman Perumahan Bedaun oleh pegawai SISC+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi ‘Google Meet’.

Bengkel ilmiah ini disampaikan oleh Pegawai SISC+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL), Puan Arny Samiraty Abdol Samad. Tujuan utama CPD Coaching and Mentoring ini diadakan adalah untuk memberikan bimbingan kepada *School Leader Team* (SLT), *Middle Leader Team* (MLT) di bawah pelaksanaan program Transformasi Sekolah 2025 (TS25).


Sasaran bengkel ini adalah untuk semua SLT dan MLT (semua Penolong Kanan, semua GKB, semua Ketua Panitia dan Penyelaras Mata Pelajaran). Seramai 28 orang guru yang menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB), Encik Ag Rozlan bin Hj Manan, Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Chai Yee San, Penolong Kanan HEM, Encik Awang Adi Bin Tuah, Penolong

Kanan Kokurikulum, Puan Lau Chin Yin, Guru Kanan Bidang Bahasa, Guru Kanan Bidang Kemanusiaan, Guru Kanan Bidang Sains dan Matematik, Guru Kanan Bidang Vokasional dan Teknologi, dan semua Ketua Panitia Mata Pelajaran.

Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Encik Ag Rozlan bin Hj Manan merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai SISC+ Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Labuan yang sudi meluangkan masa membimbing SLT dan MLT SMKTPB.

Beliau turut memaklumkan bahawa Bengkel CPD Coaching and Mentoring di SMKTPB dilaksanakan sepanjang tahun. Bengkel CPD Coaching and Mentoring yang dilaksanakan ini merupakan salah satu langkah menuju ke arah melahirkan modal insan unggul melalui Empat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan di bawah Program TS25 iaitu disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi, persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan komitmen komuniti yang padu. Tambah beliau lagi, melalui Empat NKRA ini merupakan tunjang utama untuk mewujudkan sekolah yang berkualiti.

Menurut Puan Arny Samiraty, antara objektif bengkel ini ialah peserta dapat menyatakan tujuan coaching, mentoring dan kaunseling, peserta dapat mengenal pasti kompetensi seorang ‘coach’, dan peserta dapat mengenal pasti model Coaching.



Penceramah : Pegawai SISC+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Arni Samiraty sedang menjawab pertanyaan Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Chai Yee San semasa sesi soal jawab secara dalam talian.

Melalui Bengkel CPD Coaching and Mentoring yang disampaikan selama 2 jam ini, Puan Arny Samiraty memberi penekanan bahawa sebelum Coach melaksanakan sesi Coaching dan Mentoring, Coach perlu kenal pasti individu (*Coachee*) di hadapannya iaitu dari aspek motivasi, kesediaan, keinginan dan keupayaan. Antara kata kunci yang perlu difokuskan dan difahami oleh setiap SLT dan MLT ialah ‘to transform-by asking’ (Coaching), ‘to duplicate-by telling’ (Mentoring) dan ‘to help-by guidance’ (Kaunseling) dalam aspek perbezaan sesi Coaching, Mentoring dan Kaunseling.

Puan Arny Samiraty turut menekankan bahawa setiap SLT dan MLT perlu tahu peranan masing-masing dalam melaksanakan sesi Coaching dan Mentoring kerana SLT dan MLT mempunyai bidang tugas masing-masing. Dalam melaksanakan sesi Coaching and Mentoring, setiap SLT dan MLT perlu menguasai 10 Kompetensi Coach yang dibahagikan kepada tiga aspek penting iaitu pembinaan hubungan profesional, pengendalian sesi dan keberhasilan.

Semua proses yang berlaku semasa sesi Coaching and Mentoring terlibat dalam GROW iaitu Goal, Reality, Obstacles/Options dan Way Forward. GROW merupakan antara

Model Coaching yang paling ringkas dan mudah untuk dilaksanakan oleh setiap SLT dan MLT.

Dalam menggerakkan sesi Coaching and Mentoring secara proaktif di sekolah, SLT dan MLT diharapkan dapat memberi sepenuh komitmen yang tinggi terhadap keperluan program TS25 ini. Di samping itu, gerak kerja berpasukan oleh SLT yang sangat positif menjadi faktor penggalak kepada MLT bagi menggerakkan transformasi pendidikan di sekolah.

Pihak sekolah mengucapkan terima kasih kepada Pegawai SISC+ JPWPL Arni Samiraty yang sudi meluangkan masa untuk memberi bimbingan, tunjuk ajar dan ilmu kepada SLT dan MLT SMKTPB ini untuk merealisasikan visi pelestarian TS25 di SMK Taman Perumahan Bedaun.

Berita Oleh SMK Taman Perumahan Bedaun

**SMK Mutiara, W.P Labuan
Terus Melakar Kejayaan
Membanggakan : Johan
Pertandingan Merekacipta
Poster Dan Tempat Ketiga
Pertandingan Merekacipta
Video Pendek Anjuran AADK**

W.P Labuan



24 Februari 2021 – SMK Mutiara WP Labuan sekali lagi telah mencipta kejayaan berganda apabila telah memenangi dua kategori pertandingan yang telah dianjurkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi kategori pertama iaitu Pertandingan Merekacipta Poster dalam kategori terbuka, SMK Mutiara yang diwakili oleh guru SMK Mutiara iaitu Encik Mohd Asrul bin Jais telah mendapat tempat pertama dengan menewaskan peserta-peserta lain dengan menampilkan ilham poster yang penuh makna tersirat dan membawa mesej kesedaran. Poster yang dihasilkan itu telah diberikan sentuhan idea yang lebih segar daripada Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Mutiara bagi memastikan penceritaan dari sekeping gambar itu mudah difahami dan dihayati oleh sesiapa sahaja yang melihatnya.

TAHNIAH

PARA PEMENANG PERTANDINGAN
MEREKACIPTA POSTER & VIDEO PENDEK ANTIDADAH

SEMPENA HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN (HADK) 2021

PERTANDINGAN
MEREKACIPTA POSTER

JOHAN
MOHD.ASRUL BIN JAIS
(SMK MUTIARA)

NAIB JOHAN
MOHD.HAZIM BIN MOHD.NOOR

KETIGA
AVYLYN BINTI ASIN
(SM ST ANNE)

PERTANDINGAN
MEREKACIPTA VIDEO
PENDEK

JOHAN
MOHD.HAZIM BIN MOHD NOOR

NAIB JOHAN
AIZAT (DJ JEH PRODUCTION)

KETIGA
TEAM SMK MUTIARA



Hari Antidadah

Kebangsaan 2021

19 Februari


#LEBIHBAIKCEGAH
#DADAHTERKAVAL2025



Hasil rekaan poster kreatif oleh guru SMK Mutiara iaitu Encik Mohd Asrul bin Jais yang telah membawa kepada kejayaan dalam kategori terbuka merekacipta poster anjuran AADK Peringkat WP Labuan

Bagi kategori kedua pula iaitu Pertandingan Merekacipta Video Pendek yang berjudul 'Di Atas Sejadah', kumpulan SMK Mutiara telah berjaya mendapat tempat ketiga. Kumpulan ini terdiri daripada gabungan antara guru dan beberapa orang pelajar. Barisan guru yang telah terlibat dalam memberikan idea dalam kategori ini terdiri daripada kaunselor sekolah iaitu Puan Normaisaraf binti Ab Rashid, guru Pendidikan Islam iaitu Ustazah Rohani binti Tali

serta guru teater dan kebudayaan sekolah iaitu Encik Ilias bin Zakaria. Manakala Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim yang juga merupakan kaunselor sekolah turut sama terlibat secara langsung dengan memegang salah satu watak dalam video pendek yang dihasilkan. Suntingan dan kesan khas untuk video yang dihasilkan ini telah mendapat sentuhan kreatif daripada Encik Mohd Fauzi bin Atoh yang merupakan Juruteknik Komputer SMK Mutiara. Penasihat utama dan garapan idea dalam menghasilkan idea ini dibantu oleh Encik Masri bin Ayong, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Mutiara. Manakala barisan pelakon pula terdiri daripada pelajar-pelajar SMK Mutiara yang memberikan komitmen dan sentiasa bersemangat dalam menjiwai watak yang diberikan.



#MUTIARAHEBATJUARATERPAHAT #BESTARIVLOG ...

Di Atas Sejadah



158 views



19



0



Share



Save



Report



Bestari Vlog

SUBSCRIBE

Video pendek ini boleh ditonton semula di YouTube Channel, Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan

<https://m.youtube.com/watch?v=n6KDMWW80vE&feature=share>.

Menurut Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Mutiara, walaupun tempoh masa untuk menyiapkan poster dan menghasilkan video pendek ini agak singkat iaitu kira-kira dua hari sahaja setelah mendapat hebahan pertandingan tersebut, namun beliau amat berbangga dengan pasukan SMK Mutiara yang telah berjaya menyahut seruan untuk melakukan yang terbaik dalam pertandingan yang disertai ini. Segala kekurangan yang ada dalam menghasilkan video pendek dan poster ini akan dijadikan panduan dan rujukan bagi proses penambahbaikan untuk

menghasilkan sesuatu yang lebih baik dalam mana-mana pertandingan pada masa akan datang. Apa yang penting adalah semangat berpasukan yang telah ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dalam mencapai matlamat ini merupakan sesuatu yang amat dibanggakan oleh pihak sekolah. Video pendek ini boleh ditonton semula di YouTube Channel, Unit ICT SMK Mutiara iaitu Bestari Vlog di pautan <https://m.youtube.com/watch?v=n6KDMWW80vE&feature=share>.

Di peringkat SMK Mutiara pula, poster dan video yang telah dihasilkan untuk pertandingan anjuran AADK WP Labuan ini akan digunakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) dan Unit Pendidikan Pencegahan Dadah dalam pengajian Minggu Anti Dadah di peringkat sekolah memandangkan mesej yang disampaikan melalui poster dan video tersebut amat dekat dengan kehidupan sebenar remaja pada masa kini sesuai dengan objektif yang ingin dicapai iaitu memberikan pendedahan dan pendidikan bahaya dadah, rokok dan alkohol dalam kehidupan bermasyarakat. Diharapkan dengan kejayaan ini , SMK Mutiara akan terus menempa lebih banyak kejayaan pada masa akan datang sesuai dengan cogan kata yang menjadi pemangkin semangat jitu buat warga sekolah iaitu Mutiara Hebat, Juara Terpahat.



Antara barisan pendokong utama yang terdiri daripada pentadbir sekolah, kaunselor sekolah, Unit ICT SMK Mutiara serta guru-guru dalam merealisasikan penghasilan sebuah karya poster dan video pendek " Di Atas Sejadah" anjuran AADK WP Labuan tahun 2021



Antara barisan pelakon yang menjayakan watak dalam video pendek 'Di Atas Sejadah' yang dipegang oleh murid-murid

Program Kibar Bendera Sempena Sambutan Hari Wilayah Tahun 2021



Labuan 25 Februari – Sebagai tanda solidariti terhadap program-program yang dilaksanakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2021 ini, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Puan Khaziyati binti Osman telah mengamanahkan Sektor Pembangunan Murid untuk menjadi urus setia bagi menyemarakkan semua program yang dicadangkan sempena sambutan Hari Wilayah ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad selaku Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid bersama-sama dengan semua pegawai Sektor Pembangunan Murid telah mengagihkan bendera Wilayah Persekutuan kepada semua sekolah dan juga

premis jabatan pendidikan untuk menjayakan program kibarkan bendera Wilayah Persekutuan ini bermula pada 31 Januari hingga 28 Februari 2021.

Alhamdulillah program kibarkan bendera Wilayah Persekutuan ini sedang berlangsung dan telah mendapat sokongan dan kerjasama yang amat baik dari semua sekolah dan juga pihak JPN untuk sama-sama menyemarakkan program ini.

Bagi pihak urus setia dan Sektor Pembangunan Murid, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Khaziyati binti Osman, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan atas keprihatinan dan memberi kepercayaan kepada Sektor Pembangunan Murid untuk menerajui program sambutan kibarkan bendera Wilayah Persekutuan pada tahun 2021 ini. Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pentadbir sekolah yang bersama-sama turut menyemarakkan program ini.



SMK Mutiara



SK Patau Patau